

Rancang globalisasi

11 JUN 2007

Daripada **AZIZ ISHAK**

GENEVA 11 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengesakan masyarakat dunia mewujudkan perancangan dan peraturan terhadap globalisasi bagi memastikan ia tidak dieksploitasi oleh negara yang kaya dan kuat.

Perdana Menteri mengemukakan cadangan itu memandangkan konsep globalisasi sekarang masih tidak membawa sebarang makna sebaliknya mendedahkan rakyat negara kecil dan miskin kepada penjajahan bentuk baru yang lebih besar.

Malah Dr. Mahathir menegaskan bahawa beliau ragu globalisasi mengikut acuan yang dicorakkan oleh Barat dapat mencetuskan pemuliharaan kepada penyakit dan hambatan sosial yang melanda dunia masa kini.

“Apa yang kita dapat perhatikan ialah kemerdekaan negara yang kian terhakis dan semakin dilanda kemiskinan,” katanya semasa berucap pada Persidangan Buruh Antarabangsa (ILC) sesi ke-90 di sini, hari ini.

Inilah kali pertama Dr. Mahathir berucap pada persidangan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Beliau menamatkan ucapannya dengan tepukan bergemuruh lebih tiga minit daripada para perwakilan dari 175 negara — suasana yang jarang dilihat dalam persidangan itu sebelum ini.

Ucapan beliau yang bertajuk ‘Dimensi Sosial Globalisasi’ itu antara lain mengupas perkembangan dan permasalahan globalisasi dalam konteks kepentingannya kepada negara, umat manusia dan golongan pekerja.

Menurut Perdana Menteri: “Langkah mewujudkan peraturan kepada globalisasi adalah bagi mencegah monopoli, oligopoli dan eksploitasi negara kaya ke atas negara miskin.”

Katanya, undang-undang dan peraturan bukannya sesuatu yang tidak sesuai kepada globalisasi asalkan ia bertujuan melindungi negara miskin daripada manipulasi tidak bermoral negara kaya dan berpengaruh.

Lebih penting lagi kata Dr. Mahathir, globalisasi bukan hanya untuk kapitalis dan pertambangan yang sama juga perlu diberikan kepada keperluan sosial rakyat dan pekerja di negara yang miskin.

Malah katanya, mereka sewajarnya diberi ganjaran yang setimpal dan maruah mereka tidak boleh dicemari.

“Globalisasi mesti adil kepada semua. Kapitalis, pekerja dan kerajaan mesti mendapat manfaat globalisasi,” kata beliau sambil memberi contoh jika aliran modal bebas boleh merentasi sempadan maka para pekerja juga seharusnya mempunyai kebebasan yang sama.

Katanya, jika aliran bebas pekerja asing dikenakan peraturan dalam dunia tanpa sempadan ini, sepatutnya aliran modal juga perlu dikawal selia.

Hujahnya itu mendapat tepukan bergemuruh daripada perwakilan.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berkata, globalisasi perlu dirancang dengan teliti dan perlu melibatkan semua orang dan pihak di seluruh pelosok dunia.

“Ia perlu dilaksanakan secara perlahan-lahan

dengan tumpuan utama diberikan kepada memberi manfaat kepada penduduk dan negara yang masih ketinggalan dalam arus kemajuan,” katanya.

Beliau menarik perhatian bahawa globalisasi bukanlah mengenai perniagaan semata-mata sebaliknya ia adalah berkaitan kesejahteraan setiap manusia di muka bumi ini.

“Selepas itu, barulah globalisasi cukup bermakna kepada dunia keseluruhannya,” tambah beliau.

Perdana Menteri menarik perhatian kepada jurang yang luas antara negara kaya dan miskin. Satu perenam daripada penduduk dunia menghadapi kehidupan yang susah biarpun untuk mendapatkan makanan harian sedangkan ada negara yang mempunyai pendapatan perkapita AS\$30,000 atau AS\$82 sehari.

Pada awal ucapannya, Perdana Menteri memberikan perspektif beliau mengenai kecenderungan dan sikap negara maju yang pernah menjajah untuk terus menjajah dalam bentuk baru atau apa yang dipanggil neo-kolonialisme.

Muslihat yang digunakan oleh negara-negara maju itu ialah menerusi isu-isu yang dimainkan oleh agensi antarabangsa dan badan pertubuhan bukan kerajaan selain senjata ekonomi seperti serangan mata wang dan wang yang dipinjamkan oleh bank-bank gergasi.

Beliau merumuskan institusi-institusi tersebut yang tidak dipilih melalui demokrasi oleh rakyat tetapi berkuasa — lebih memikirkan soal keuntungan dan bukannya untuk memulihkan sosial masyarakat.

elak dieksploitasi

Menurut Dr. Mahathir, dengan pandangannya itu, beliau sekali lagi mungkin dianggap menentang globalisasi tetapi sebenarnya tidak.

Pada beliau, globalisasi adalah idea yang bagus dan jika diterjemahkan dengan betul, akan menjadi cara berkesan dalam membetulkan ketidakadilan dalam kehidupan manusia sejagat.

Beliau turut mengimbas pengalaman Malaysia dalam menghadapi krisis kewangan yang menyaksikan pihak yang kuat termasuk pedagang mata wang boleh dengan mudah memiskin rakyat negara yang suatu ketika dulu menikmati ekonomi yang dinamik dan cemerlang.

Perdana Menteri turut mempersoalkan apakah makna kemerdekaan sesebuah negara jika campur tangan asing semakin menjadi-jadi kononnya atas nama demokrasi dan memerangi rasuah padahal mereka sebenarnya tidak menghiraukan soal rakyat.

Beliau turut menarik perhatian perwakilan apabila secara sinis menyatakan bahawa ketika negara-negara kaya ghairah menggabungkan institusi kewangan dan syarikat multinasional mereka menjadi gergasi, mereka sebaliknya tidak berani untuk melihat kesatuan sekerja multinasional menjadi gergasi.

“Saya ragu. Ia (gergasi kesatuan sekerja) akan menjadi begitu kuat dan begitu membahayakan untuk dibenarkan,” katanya sambil menerima sorakan para perwakilan yang tertarik dengan hujah Perdana Menteri.

Sementara itu, Presiden ILC, Jean-Jacques Elmiger menyifatkan ucapan Perdana Menteri memberi signifikan besar kepada perwakilan.

Malah beliau menjangkakan ucapan tersebut akan mempengaruhi perbincangan sesi perbincangan khas mengenai globalisasi.

Menurut beliau, penekanan kepada dimensi sosial oleh Perdana Menteri membuka lagi ruang perspektif kepada masyarakat dunia untuk menangani globalisasi dengan lebih berkesan dan berhemat demi kepentingan sejagat.

Sambil menyifatkan Perdana Menteri sebagai pemimpin negara Selatan yang paling berjaya dalam pengurusan negara, ekonomi dan masyarakat majmuk, beliau berkata:

“Beliau selalu mencabar pemikiran kita supaya menikmati kehidupan yang lebih baik untuk semua.”

Elmiger berkata, pada pengamatan beliau dalam beberapa persidangan dan forum antarabangsa seperti di Davos, Copenhagen dan Geneva yang dihadiri oleh Dr. Mahathir, beliau adalah seorang pemimpin yang menawarkan pemikiran dan provokasi idea yang penting untuk dunia keseluruhannya.

“Antaranya dasar memakmurkan jiran dan membawa transformasi daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada perindustrian dan kini teknologi maklumat kepada Malaysia,” ujar beliau.

Turut hadir ketika Perdana Menteri menyampaikannya ucapan hari ini ialah isteri beliau, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Antarabangsa, Datuk Seri Rafidah Aziz dan beberapa pemimpin kesatuan Malaysia termasuk Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rangkap yang baru dilantik sebagai Naib Presiden ILC. — Utusan